

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

**RUJUKAN : 9723**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan pas pelajar asing yang dibuat melalui Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) yang tertunggak sejak Jun tahun 2016.**

**JAWAPAN:**

**Jumlah permohonan pas pelajar asing yang tertunggak melebihi 14 hari sejak Jun 2016 adalah sebanyak 3,861 permohonan. Jabatan Imigresen Malaysia telah menempatkan seramai 30 orang pegawai *Task Force* di Unit Pas Pelajar bagi menyelesaikan isu tersebut dalam tempoh 2 minggu. Namun, semua permohonan tertunggak telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 8 hari bermula dari 23 Januari 2017 hingga 31 Januari 2017.**